



Dr. Mahathir

Mereka dapat
tunggakan \$750
hingga \$1,040

12,000 GURU B1-B2 TERIMA GAJI BARU

KUALA LUMPUR - 8 JULI 1975

SERAMAI 12,000 orang guru B1 dan B2 telah menerima tawaran dua kenaikan gaji yang ditawarkan oleh kerajaan, kata Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad petang ini.

Keputusan tersebut telah disampaikan kepada beliau oleh satu perwakilan guru-guru itu di Bangunan Parlimen petang ini.

Dengan tawaran tersebut, guru-guru yang terlibat akan mendapat bayaran tunggakan antara \$750 hingga \$1,040 yang kuatkuasanya dikira dari 1 Januari tahun lalu.

Kata Dr. Mahathir, bayaran tunggakan itu akan melibatkan wang sejumlah \$11.4 juta dan perbelanjaan tahunan \$5.97 juta.

Dr. Mahathir berkata, tawaran tersebut akan dilaksanakan secepat mungkin.

Tambahnya, kerajaan telah menimbangkan setiap aspek sebelum membuat tawaran kepada guru-guru itu.

KUALA LUMPUR 7 JULAI

Menurutnya, dengan penerimaan tawaran kenaikan gaji itu, pertikaian dengan kalangan guru-guru B1 dan B2 telah dapat diselesaikan.

"Kita tidak boleh menerima apa-apa lagi cadangan mengenai perkara ini," tegasnya.

Dr. Mahathir juga memberitahu satu pertemuan antara kesatuan guru dan pegawai-pegawai kementeriannya akan diadakan sedikit masa lagi bagi membincangkan mengenai peralaksanaan tangga gaji itu.

Bertindak

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebangsaan yang mewakili guru-guru, Encik S. Radhakrishnan berkata penerimaan tawaran itu dibuat dengan persefahaman bahawa perkara ini akan diberi pertimbangan oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali.

Sementara itu, di Petaling Jaya pagi tadi Dr. Mahathir Mohamad menyeru para majikan dan pekerja supaya bertanggungjawab dan bertimbang rasa antara satu sama lain dalam mengujudkan keharmonian perusahaan negara ini.

Masalah penetapan gaji yang merupakan soal utama hendaklah diberi perhatian yang wajar

dan munasabah oleh kedua pihak untuk menyelesaikannya, katanya.

Berucap merasmikan seminar dua minggu mengenai penentuan gaji dan penilaian kerja anjuran Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) di sini pagi ini beliau berkata:

"Para pekerja haruslah meletakkan tuntutan mereka pada dasar yang munasabah sementara majikan hendaklah bersikap saksama untuk menentukannya.

"Memang tidak dapat dinafikan, tuntutan daripada pihak kesatuan sekerja sekarang ini telah meningkat kerana kadar kenaikan inflasi sekarang ini".

Tiap-tiap tuntutan yang dibuat tentulah ada kaitan dengan kenaikan sara hidup, tetapi masalahnya ialah menentukan kadar tuntutan itu hendaklah munasabah dan terjamin tidak ditolak oleh majikan, tambahnya.

"Pemimpin-pemimpin kesatuan hendaklah faham dengan sejasanya asas-asas penetapan gaji supaya tuntutan-tuntutan mereka tidak terlalu tinggi dan terlalu rendah."

Katanya, penentuan gaji dan upahan kerja adalah satu perkara yang tidak mudah diselesaikan kerana banyak faktor yang perlu diasaskan seperti kelulusan, pengalaman, kemahiran dan tanggungjawab.

Begitu juga para majikan mereka juga mempunyai pandangan yang berlainan tentang penetapan gaji terhadap pekerjanya.